

Pandithan, Samy berdamai

um- 2/10/2006

KUALA LUMPUR 1 Okt - Selepas kira-kira 20 tahun, Presiden Barisan Progresif India (IPF), Datuk M.G. Pandithan mahu melupakan sebarang permusuhan dengan pencabar politiknya, Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu tetapi menolak sebarang penggabungan dengan parti itu.

"Cukuplah tu, ia sudah lebih 20 tahun, saya tidak mahu sebarang permusuhan dengan beliau (Samy Vellu). Permusuhan antara kami berdua tidak baik. Saya mahu menjadi seorang sahabat," kata Pandithan kepada pemberita setelah menjauhkan diri daripada media buat beberapa bulan disebabkan penyakitnya yang tidak sembuh.

"Kita hendaklah bersama-sama berjuang untuk masyarakat India. Dua puluh tahun adalah terlalu lama (antara kedua-dua pemimpin)," tambah Pandithan yang kini berusia 66 tahun.

Hubungan antara kedua-dua pemimpin itu terjejas dan dilihat berbaik-baik setelah Samy Vellu mengadakan kunjungan mengejut terhadap musuh lamanya itu di Hospital Kuala Lumpur pada awal Jun lepas di mana Pandithan sedang dirawat kerana masalah paru-paru.

Bagaimanapun, Pandithan yang kelihatan sangat lemah, dengan memakai pakaian tradisi parti itu, kemeja wana merah dan seluar hitam menyangkal cakap-cakap untuk mengadakan penyatuan dengan MIC di mana beliau memulakan karier politiknya dan terus meningkat sehingga menjadi naib presiden parti MIC sehingga beliau dipecat pada 1989.

"Tetapi jangan salah mengerti, saya tidak akan menyertai MIC. Saya tidak akan menyertai MIC dan Samy tidak akan menyertai IPF," kata beliau, sambil menambah bahawa anggota IPF yang berhasrat meninggalkan parti itu boleh berbuat demikian dan sebagai president, beliau tidak akan

Cukuplah tu, ia sudah lebih 20 tahun, saya tidak mahu sebarang permusuhan dengan beliau (Samy Vellu). Permusuhan antara kami berdua tidak baik. Saya mahu menjadi seorang sahabat

M.G. PANDITHAN
Presiden IPF



M.G. Pandithan pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

S. SAMY VELLU

melarang tindakan itu.

Permusuhan antara kedua-dua pemimpin itu semakin teruk sejak Pandithan dipecat kerana tidak berdisiplin dan kemudian menubuhkan partinya sendiri yang beliau dakwa mempunyai anggota hampir 380,000 di seluruh dunia dengan 80 baha-gian.

Pada persidangan akhbar itu, dengan

memakai topeng pembedahan yang digantung di bawah dagunya, Pandithan berkata IPF masih kukuh tetapi mengumumkan bahawa pemilihan parti dijadualkan pada bulan depan akan ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya umum.

"Presiden tidak berapa sihat jadi kita memutuskan untuk menangguhkan pemilihan itu. Jika kita ada pemilihan ada

masalah. Parti besar pun ada masalah," kata beliau.

Ditanya sama ada beliau akan menamakan pengganti untuk mengambilalih pucuk pimpinan itu daripadanya kerana beliau sudah lama sakit, Pandithan enggan menamakan sebarang calon, tetapi mengatakan ramai pemimpin dan mereka kurang pengalaman yang diperlukan untuk memimpin parti tersebut.

Bagaimanapun, beliau menamakan dua orang anggota kanan IPF untuk menguruskan parti, Setiausaha Agung, V. Senguttuan untuk mengendalikan pentadbiran parti dan K. Murugiah bagi menjaga perkara berkaitan disiplin.

"Pandithan telah komited dengan (IPF), saya akan memainkan peranan dengan menonjolkan diri untuk menguruskan parti itu, pada peringkat penasihat.

"Terdapat ramai pemimpin muda tetapi tidak berpengalaman untuk menjadi pemimpin. Mereka memerlukan masa untuk memperoleh pengalaman," tambah beliau.

Soalan sama ada IPF, yang dikaitkan rapat dengan beliau, akan jatuh jika beliau bukan lagi menjadi presiden, katanya tidak mungkin.

"Kita bina parti ini dengan bekerja kuat, perjuangan kita untuk masyarakat akan diteruskan. Pekerja kita rela untuk berkorban.

Isteri beliau, Datin Jayasree dan anggota parti memapah Pandithan ke hotel di mana beliau menemui wartawan dalam sebuah bilik yang penuh.

- Bernama